

TASAWWUR ISLAM

5226

**PERATURAN PEMARKAHAN
PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM
2026**



UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

BAHAGIAN A

NO SOALAN	JAWAPAN
1.	Qadak
2.	Kesenian
3.	<i>Tabarru'</i>
4.	Ijtihad
5.	Penghormatan
6.	Saling Memahami
7.	Murtad
8.	Umum
9.	Puasa
10.	Lafaz Syahadah
11.	Al-Wadi'ah
12.	Al-Murabahah
13.	Solat berjamaah
14.	Meraikan kejayaan
15.	<i>Keadilan (Al-'Adalah)</i>
16.	<i>Persamaan (Al-Musawah)</i>
17.	√
18.	√
19.	X
20.	X

BAHAGIAN B

No Soalan			Jawapan	Markah
1	(a)		<u>Empat amalan yang berkaitan dengan pegangan akidah dalam Islam</u> P1- Berdoa P2- Berzikir P3- Bertawakal P4- Bertaubat P5- Mujahadah P6- Muhasabah	4 isi x 1m = 4m
1	(b)	(i)	<u>Dua syarat ibadah diterima oleh Allah SWT</u> P1- Ikhlas P2- <i>Ittiba' as-Sunnah</i> / mengikut Sunnah	2 isi x 1m = 2m
1	(b)	(ii)	<u>Sebab masih terdapat segelintir remaja tidak mengambil berat tentang kualiti ibadah</u> <u>Contoh jawapan</u> Kurang ilmu agama (1m) kerana kurang didikan sejak kecil (1m) seperti tiada pemantauan ibu bapa tentang amalan ibadat dalam kehidupan seharian (1m). Kesimpulannya kita hendaklah melaksanakan ibadah dengan sempurna agar dapat merasai kemanisan iman (1m). <u>Cadangan isi</u> P2- Pengaruh rakan yang mengabaikan ibadat P3- Leka dengan hiburan / media sosial P4- Lemah penghayatan iman P5- Kurang pemantauan / didikan ibu bapa P6- Sikap malas / suka bertangguh Catatan : Mana-mana jawapan yang munasabah diterima	4m
1	(c)	(i)	<u>Maksud pekerjaan menurut Islam</u> Satu kegiatan yang dilakukan bagi mendapatkan sumber pendapatan dan memiliki harta dengan halal.	1 isi x 2m = 2m
1	(c)	(ii)	<u>Dua kesan pekerjaan yang halal kepada individu</u> P1- Diberkati Allah SWT (1m) kerana mengikut syariat (1m) P2- Dihormati masyarakat (1m) kerana melakukan kerja yang baik (1m) P3- Membentuk akhlak yang mulia (1m) seperti jujur / berintegriti (1m) P4- Menjamin kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat (1m) kerana mendapat Pahala (1m) Catatan : Mana-mana jawapan yang munasabah diterima	2 isi x 2m = 4m

1	(d)	<u>Dua sebab berlaku penyeludupan minyak ke negara jiran</u> P1- Mendapat keuntungan yang tinggi (1m) kerana harga minyak di negara jiran lebih mahal (1m) P2- Kawalan sempadan lemah (1m) yang menyebabkan aktiviti ini sentiasa berulang / berleluasa (1m) P3- Kewujudan sindiket penyeludupan (1m) yang mempunyai rangkaian yang luas (1m) P4- Kurang kesedaran sivik dan integriti (1m) kerana hanya mengutamakan keuntungan semata-mata (1m) Catatan: Mana-mana jawapan yang munasabah diterima	2 isi x 2m =4m
2	(a)	<u>Maksud manusia sebagai khalifah Allah SWT</u> Manusia wajib mentadbir dan memakmurkan bumi selari dengan kehendak syariat.	1 isi x 2m = 2m
2	(b)	<u>Dua tanggungjawab manusia sebagai hamba dan khalifah Allah SWT terhadap alam</u> P1- Mentadbir / memakmurkan alam secara terancang / sistematik (1m) agar tidak mengganggu habitat haiwan / tumbuh-tumbuhan (1m) P2- Menggunakan sumber alam semulajadi secara bijaksana / efektif (1m) agar tidak berlaku pembaziran (1m) P3- Memelihara alam daripada pencemaran (1m) dengan tidak membuang sampah merata-rata (1m) P4- Menggiatkan usaha pemuliharaan alam (1m) bagi menjaga kelangsungan flora dan fauna (1m) Catatan: Mana-mana jawapan yang munasabah diterima	2 isi x 2m = 4m
2	(c)	<u>Punca pengabaian tanggungjawab oleh manusia sebagai hamba dan khalifah Allah SWT</u> P1- Syariat Islam tidak dilaksanakan (1m) yang menyebabkan berlaku keruntuhan akhlak (1m) P2- Mengabaikan pendidikan (1m) yang menyebabkan masyarakat jahil (1m) P3- Kelemahan urusan pentadbiran / salah guna kuasa (1m) yang menyebabkan negara mundur (1m) P4- Masyarakat bersikap malas / memilih pekerjaan (1m) yang menyebabkan ekonomi tidak membangun (1m) P5- Hilang sikap hormat-menghormati antara masyarakat (1m) yang menyebabkan berlaku perpecahan (1m) Catatan: Mana-mana jawapan yang munasabah diterima	2 isi x 2m = 4m

2	(d)	(i)	<u>Cara asas sistem perundangan Islam mengatasi masalah ini</u> P1- Melalui pembalasan (1m) dapat membalas perbuatan jahat dengan hukuman yang adil (1m) P2- Melalui pencegahan (1m) dapat mencegah berulangnya perbuatan salah yang dilakukan (1m) P3- Melalui pencegahan (1m) dapat memberi amaran kepada mereka yang berniat melakukan kesalahan (1m)	1 isi x 2m = 2m
2	(d)	(ii)	<u>Kepentingan tindakan tersebut ke arah pembentukan akhlak masyarakat madani</u> <u>Cadangan jawapan</u> Masyarakat hidup saling menghormati (1m) kerana tidak timbul salah faham (1m) yang boleh membawa kepada pergaduhan (1m). Kesannya masyarakat sejahtera kerana mengamalkan sikap toleransi sesama manusia (1m). <u>Cadangan isi</u> P2- Insaf dengan dosa yang dilakukan P3- Sentiasa muhasabah diri P4- Menjauhi pergaulan bebas Catatan: Mana-mana jawapan yang munasabah diterima	4m
2	(e)		<u>Dua cara mematuhi pelaksanaan kehakiman Islam</u> P1- Menjadikan <i>al-Quran</i> dan <i>al-Hadis</i> sebagai sumber rujukan utama dalam mengendalikan kes (1m) supaya tindakan yang diambil tidak menyalahi syarak (1m) P2- Melaksanakan etika kehakiman Islam secara menyeluruh (1m) supaya matlamat untuk mewujudkan keamanan masyarakat tercapai (1m) P3- Mematuhi peraturan / undang-undang negara (1m) seperti yang diperuntukkan dalam perlembagaan (1m) P4- Melantik orang yang berkeelayakan sebagai hakim (1m) seperti memiliki sifat adil (1m)	2 isi x 2m =4m
3	(a)	(i)	<u>Dua adab pergaulan dalam Islam</u> P1- Menjaga tutur kata P2- Berlaku adil dan ihsan terhadap semua manusia P3- Menghormati dan tidak menghina orang lain P4- Menjaga batasan aurat P5- Menjaga batasan pergaulan antara lelaki dan perempuan P6- Bersangka baik Catatan: Mana-mana jawapan yang munasabah diterima	2 isi x 1m = 2 m

3	(a)	(ii)	<u>Dua kepentingan prinsip pergaulan Islam</u> P1- Memelihara kesucian dan maruah Islam (1m) agar martabat umat Islam dipandang tinggi (1m) P2- Membentuk masyarakat harmoni (1m) yang saling memahami / membantu antara satu sama lain (1m) P3- Melahirkan manusia yang bertaqwa / istiqamah / berdisiplin dalam kehidupan (1m) agar berjaya dalam kehidupan (1m) P4- Mengukuhkan institusi perkahwinan (1m) untuk menjaga kesucian nasab (1m) P5- Mewujudkan masyarakat yang bersatu padu (1m) dalam menjalan tanggungjawab (1m) P6- Menghindari diri daripada perkara-perkara yang dimurkai Allah SWT (1m) seperti mengadu domba / fitnah / pergaduhan (1m) P7- Mengelakkan keruntuhan akhlak dan maksiat (1m) seperti pergaulan bebas / zina (1m) P8- Membanteras perlakuan yang menyalahi fitrah (1m) seperti LGBT (1m) Catatan: Mana-mana jawapan yang munasabah diterima	2 isi x 2m = 4m
3	(b)	(i)	<u>Dua garis panduan berhibur dalam Islam</u> P1- Memakai pakaian sopan dan menutup aurat P2- Tiada pergaulan bebas P3- Lirik lagu yang tidak bercanggah dengan syarak P4- Gaya persembahan yang tidak mengundang maksiat P5- Menghormati waktu solat	2 isi x 1m = 2 m
3	(b)	(ii)	<u>Akibat yang akan berlaku sekiranya garis panduan berhibur diabaikan</u> <u>Cadangan jawapan</u> Maksiat berleluasa (1m) seperti pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan (1m) kesannya akan berlaku kes zina dan lain-lain (1m). Kesimpulannya kita hendaklah sentiasa menjaga adab dan peraturan agar kesejahteraan terjamin (1m). <u>Cadangan isi</u> P2- Merosakkan akhlak P3- Menjejaskan pelajaran P4- Lalai daripada mengingati Allah SWT Catatan : Mana-mana jawapan yang munasabah diterima	4m

3	(c)	<u>Dua tindakan merealisasikan tadbir urus Islam dalam persatuan di sekolah</u> P1- Mengadakan mesyuarat (1m) agar urusan diketahui / difahami oleh semua ahli (1m) P2- Menjaga kebajikan setiap ahli (1m) agar semua ahli berpuas hati (1m) P3- Memberi kerjasama (1m) agar tugas dapat diselesaikan dengan cepat (1m) P4- Memberi penghargaan kepada ahli aktif (1m) agar mereka rasa dihargai (1m) Catatan : Mana-mana jawapan yang munasabah diterima	2 isi x 2m =4m
3	(d)	<u>Dua kepentingan sistem pentadbiran dan pengurusan Islam terhadap negara</u> P1- Mewujudkan pentadbiran negara yang efisien / efektif (1m) agar menjadi contoh kepada negara lain (1m) P2- Membolehkan segala urusan dilaksanakan secara teratur (1m) kerana menepati syarak (1m) P3- Meneladani tadbir urus negara seperti yang dilaksanakan oleh Rasulullah SAW (1m) kerana mengamalkan konsep syura (1m)	2 isi x 2m = 4m

4	(a)	(i)	<u>Maksud Murunah</u> Luwes atau anjal iaitu boleh berubah mengikut kesesuaian, namun masih tetap pada prinsip asasnya.	1 isi x 2m = 2m
4	(a)	(ii)	<u>Dua ciri prinsip Murunah</u> P1- Islam agama yang mudah (1m) kerana ia tidak membebankan manusia (1m) P2- Dilaksanakan mengikut keadaan / kemampuan (1m) agar ibadat dapat dilakukan ketika berhadapan dengan kesukaran (1m)	2 isi x 2m = 4m
4	(b)		<u>Dua kepentingan mengamalkan prinsip Waqi'iyah dalam kehidupan</u> P1- Islam adalah agama praktikal (1m) kerana ia mampu diamalkan oleh semua manusia (1m) P2- Menyelesaikan masalah kehidupan secara praktikal (1m) berdasarkan panduan wahyu (1m) P3- Menjamin kesejahteraan hidup manusia yang seimbang (1m) dari aspek rohani dan jasmani (1m) P4- Mengimbangi keperluan dunia dan akhirat (1m) agar manusia mencapai kebahagiaan yang menyeluruh (1m)	2 isi x 2m = 4m

4	(c)		<u>Dua kepentingan pelaksanaan muamalat Islam terhadap masyarakat</u> P1- Masyarakat dapat saling mengenali / mengeratkan silaturrahim (1m) kerana wujud semangat tolong-menolong / kerjasama (1m) P2- Masyarakat hidup dalam suasana bantu-membantu (1m) melalui sistem <i>ta'awun / tabarru'</i> / Takaful (1m) P3- Masyarakat aman (1m) kerana tiada permusuhan / penindasan akibat Riba (1m) Catatan : Mana-mana jawapan yang munasabah diterima	2 isi x 2m = 4m
4	(d)	(i)	<u>Institusi kewangan Islam yang sesuai dengan pernyataan di atas</u> Institusi perbankan Islam * Contoh perbankan Islam tidak diterima seperti Bank Islam	1 isi x 1m = 1m
4	(d)	(ii)	<u>Cara institusi perbankan Islam memartabatkan sistem kewangan Islam di Malaysia</u> <u>Cadangan jawapan</u> Menyediakan kemudahan / perkhidmatan bank dengan cara yang patuh syariah (1m) kerana bebas daripada unsur riba (1m). Hal ini kerana setiap perkhidmatan dipantau oleh penasihat syariah (1m) bagi memastikan pematuhan hukum Islam secara menyeluruh (1m). Kesimpulannya kita hendaklah memilih perbankan Islam kerana ia adil / telus / membawa manfaat kepada individu dan masyarakat (1m). <u>Cadangan isi</u> P2- Keuntungan dikongsi secara adil P3- Menggalakkan keadilan dalam muamalah P4- Menyumbang kepada pembangunan ekonomi ummah P5- Dana disalurkan kepada pelaburan yang halal / bermanfaat Catatan : Mana-mana jawapan yang munasabah diterima	5m
5	(a)		<u>Dua alam yang akan dilalui oleh manusia selepas mati</u> P1- Alam barzakh / alam kubur P2- Alam akhirat	2 isi x 1m = 2m

5	(b)	(i)	<u>Satu contoh perbuatan yang merosakkan akal selain vape</u> P1- Penyalahgunaan dadah P2- Menonton filem / aksi ganas P3- Membaca bahan lucah P4- Makan dan minum bahan yang memabukkan / minum arak P5- Memikirkan zat Allah SWT	1 isi x 1m = 1m
5	(b)	(ii)	Hukum pengambilan bahan terlarang Haram / Makruh	1 isi x 1m = 1m
5	(b)	(iii)	P1- Merosakkan fizikal / badan (1m) seperti sakit jantung / paru-paru (1m) P2- Menyebabkan ketagihan (1m) sehingga lupa solat / ibadat (1m) P3- Hilang tumpuan dalam pelajaran (1m) yang membawa kepada kegagalan dalam peperiksaan (1m) P4- Terlibat dalam gejala sosial / jenayah (1m) seperti melepak / mencuri (1m) P5- Menjejaskan masa depan (1m) kerana berakhlak buruk (1m) Catatan : Mana-mana jawapan yang munasabah diterima	1 isi x 2m = 2m
5	(b)	(iv)	<u>Cara wahyu menyelesaikan masalah perbuatan merosakkan akal</u> <u>Cadangan jawapan</u> Wahyu melarang / mengharamkan perkara yang merosakkan akal (1m) seperti arak (1m) supaya kewarasan akal terpelihara (1m). Kesannya masa depan terjamin kerana berjaya dalam pelajaran (1m). <u>Cadangan isi</u> P2- Wahyu memelihara akal bertindak secara logik P3- Wahyu membimbing akal membezakan antara baik dan buruk P4- Wahyu memerintahkan manusia menggunakan akal sepenuhnya P5- Wahyu mempengaruhi akal untuk menghasilkan kemuliaan akhlak Catatan : Mana-mana jawapan yang munasabah diterima	4m
5	(c)	(i)	<u>Dua syarat pelantikan hakim</u> P1- Islam dan beriman P2- Baligh dan berakal P3- Adil P4- Berilmu dan bijaksana P5- Sempurna pancaindera	2 isi x 1m = 2m

5	(c)	(ii)	<u>Dua perbezaan di antara sistem kehakiman Islam dengan sistem kehakiman bukan Islam.</u> <table border="1"><thead><tr><th>Sistem Kehakiman Islam</th><th>Sistem Kehakiman Bukan Islam</th></tr></thead><tbody><tr><td>Berpandukan al-Quran , al-Sunnah , al-Ijmak dan al-Qias</td><td>Berpandukan perlembagaan, undang-undang bertulis dan keputusan mahkamah</td></tr><tr><td>Menegakkan keadilan</td><td>Menjaga ketenteraman masyarakat</td></tr><tr><td>Meliputi urusan dunia dan akhirat</td><td>Tertumpu kepada urusan dunia semata-mata</td></tr><tr><td>Berdasarkan syariat Islam</td><td>Berdasarkan undang-undang yang digubal oleh manusia</td></tr><tr><td>Bertujuan mendidik manusia</td><td>Bertujuan menghukum pesalah</td></tr><tr><td>Berdasarkan hukum syarak seperti hudud, qisas, takzir dan diat</td><td>Berdasarkan peruntukan undang-undang seperti denda dan penjara</td></tr></tbody></table> Catatan : Mana-mana jawapan lain yang munasabah	Sistem Kehakiman Islam	Sistem Kehakiman Bukan Islam	Berpandukan al-Quran , al-Sunnah , al-Ijmak dan al-Qias	Berpandukan perlembagaan, undang-undang bertulis dan keputusan mahkamah	Menegakkan keadilan	Menjaga ketenteraman masyarakat	Meliputi urusan dunia dan akhirat	Tertumpu kepada urusan dunia semata-mata	Berdasarkan syariat Islam	Berdasarkan undang-undang yang digubal oleh manusia	Bertujuan mendidik manusia	Bertujuan menghukum pesalah	Berdasarkan hukum syarak seperti hudud, qisas, takzir dan diat	Berdasarkan peruntukan undang-undang seperti denda dan penjara	2 isi x 2m = 4m
Sistem Kehakiman Islam	Sistem Kehakiman Bukan Islam																	
Berpandukan al-Quran , al-Sunnah , al-Ijmak dan al-Qias	Berpandukan perlembagaan, undang-undang bertulis dan keputusan mahkamah																	
Menegakkan keadilan	Menjaga ketenteraman masyarakat																	
Meliputi urusan dunia dan akhirat	Tertumpu kepada urusan dunia semata-mata																	
Berdasarkan syariat Islam	Berdasarkan undang-undang yang digubal oleh manusia																	
Bertujuan mendidik manusia	Bertujuan menghukum pesalah																	
Berdasarkan hukum syarak seperti hudud, qisas, takzir dan diat	Berdasarkan peruntukan undang-undang seperti denda dan penjara																	
5	(d)		<u>Dua cara seorang murid dapat menjauhkan diri daripada perbuatan jenayah</u> P1- Mematuhi peraturan agama (1m) seperti menunaikan solat (1m) P2- Menuntut ilmu yang bermanfaat (1m) seperti ilmu fardu ain dan fardu kifayah (1m) P3- Mengisi masa lapang dengan perkara berfaedah (1m) seperti membaca / bersukan (1m) P4- Memilih rakan yang baik (1m) seperti rakan yang sentiasa berakhlak Mulia (1m) Catatan : Mana-mana jawapan lain yang munasabah	2 isi x 2m = 4m														

6	(a)	(i)	<u>Maksud sistem sosial Islam</u> Sistem yang mengawal dan memberi panduan berkaitan cara manusia berhubung antara satu sama lain.	1 isi x 2m = 2m
6	(a)	(ii)	<u>Empat hak asasi manusia yang dijamin oleh Islam</u> P1- Kebebasan bersuara P2- kebebasan beragama P3- Perlindungan nyawa P4- Kehormatan diri P5- Pemilikan harta P6- Keamanan dan keselamatan	4 isi x 1m = 4m

6	(b)		<u>Dua ciri kekeluargaan menurut Islam</u> P1- Dibina berdasarkan ketaatan kepada Allah SWT (1m) kerana mengikut perintah Allah SWT (1m) P2- Sentiasa mengamalkan akhlak yang baik (1m) seperti bertolak ansur / tolong-menolong (1m) P3- Melaksanakan peranan dan tanggungjawab masing-masing (1m) agar keluarga bahagia (1m) P4- Sentiasa berkomunikasi secara positif (1m) agar tidak berlaku salah faham / pergaduhan (1m) P5- Sentiasa memberi sokongan antara satu sama lain (1m) agar bertambah kasih sayang dalam keluarga (1m)	2 isi x 2m = 4m
6	(c)	(i)	<u>Tanggungjawab khalifah</u> P1- Melaksanakan hukum / syariat Islam P2- Memelihara kesucian agama Islam P3- Menegakkan kebenaran mencegah kemungkaran P4- Memelihara kedaulatan negara P5- Mengagihkan harta dengan adil / baik P6- Menjaga Kebajikan rakyat P7- Melantik orang yang cekap /amanah Catatan: Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima	1 isi x 1m =1m
6	(c)	(ii)	<u>Kesan yang akan berlaku kepada negara sekiranya tanggungjawab tersebut diabaikan</u> <u>Cadangan jawapan</u> Berlaku penyelewengan dalam pentadbiran negara (1m) akibat pelanggaran tanggungjawab oleh khalifah (1m) seperti pecah amanah / rasuah dan sebagainya (1m) yang mengakibatkan negara berada dalam keadaan huru - hara (1m). Tuntasnya seseorang khalifah hendaklah menjalankan kewajipan dengan baik agar negara aman damai (1m). <u>Cadangan lain</u> P2- Terdedah kepada ancaman musuh P3- Kestabilan negara tergugat P4- Pengagihan harta secara zalim P5- Pelabur hilang keyakinan untuk melabur Catatan : Mana-mana jawapan yang munasabah diterima	5m

6	(d)	<u>Dua aspek dalam pentadbiran dan pengurusan negara pada zaman Rasulullah</u> P1- Islam dijadikan dasar pentadbiran negara (1m) agar negara dirahmati Allah SWT (1m) P2- Syura dijadikan kaedah dalam menguruskan pentadbiran negara(1m) agar urusan berjalan dengan lancar (1m) P3- Piagam Madinah dijadikan sebagai perlembagaan negara (1m) agar negara mempunyai garis panduan dalam pemerintahan (1m) P4- Akidah Islamiah dijadikan pegangan dalam urusan pentadbiran (1m) menggantikan semangat '<i>asabiyyah</i>' (1m)	2 isi x 2m = 4m
---	-----	--	--------------------

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT